

**DOKUMEN KONTRAK SEBAGAI PANDUAN PENGURUSAN BURUH
DALAM PROJEK PEMBINAAN**

CHAI CHANG SA'AR

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains (Pembinaan)**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

MEI, 2008

ABSTRAK

Dokumen kontrak merupakan dokumen yang amat penting dalam projek pembinaan. Secara teorinya, dokumen kontrak sepatutnya dijadikan sebagai panduan dalam pengurusan projek, terutamanya pengurusan buruh supaya proses pembinaan dapat dijalankan dengan lancar. Ini disebabkan buruh merupakan orangnya yang membina dan menjadikan sesuatu projek pembinaan berjaya. Soalannya adalah sama ada kontraktor menggunakan dokumen kontrak untuk menguruskan sumber buruh dalam projek pembinaan. Justeru, penyelidikan ini dijalankan untuk mengenalpasti penggunaan dokumen kontrak sebagai panduan pengurusan sumber buruh dalam projek pembinaan. Berdasarkan skop penyelidikan, sasaran responden adalah kontraktor-kontraktor di sekitar Johor Bahru (MBJB dan MPJBT) yang dipilih secara rawak. Tambahan pula, penyelidikan ini turut dihadkan kepada pengurusan buruh dari segi bilangan, aktiviti terlibat dan kemahiran buruh dalam projek pembinaan sahaja. Maklumat untuk projek yang dikaji diperolehi melalui temubual yang dijalankan dengan pihak kontraktor yang bertanggungjawab terhadap pengurusan buruh. Teknik Analisis Isi Kandungan (Content Analysis) telah digunakan untuk menganalisis maklumat-maklumat temubual yang dikumpul. Berdasarkan kepada penemuan penyelidikan ini, didapati bahawa dokumen kontrak memang dijadikan sebagai panduan bagi pengurusan buruh dalam projek pembinaan.

ABSTRACT

Contract document is a very important document in a particular construction project. Theoretically, contract document should be used as a guideline for the construction project management in order to ensure a silky construction progress, especially labor management. This is mostly because the labors are the men who build and determine the success of a particular construction project. The question is whether the contractors use the contract document to manage the construction labors in their projects. Therefore, this research is conducted to investigate the usage of the contract document as a guideline of labor management in construction projects. Regarding to the scope of the research, the target respondents are the contractors who randomly pick from Johor Bahru (MBJB and MPJBT). Furthermore, this research is limited to the labor management in managing the numbers, activities involved and the workmanship of the labors in construction projects. The data of this research is collected through analyzing the interviews from the contractors. Content Analysis had been chosen as a tool to interpret and analyze the data collected. Base on the findings of this research, contract document is used as a guideline in labor management of the construction projects.